

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini adalah untuk memberikan anda maklumat penting mengenai insurans anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1

Apakah Insurans Multi Biz Protector Enhanced?

Ini merupakan pelan polisi insurans yang komprehensif dan boleh disesuaikan, direka khusus untuk pemilik perniagaan kecil dan sederhana (PKS) bagi memberikan perlindungan terhadap risiko utama dalam perniagaan.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Anda boleh menginsuranskan kepentingan berikut di bawah Polisi Multi Biz Protector Enhanced:

Polisi ini meliputi:

- Seksyen I – Kebakaran
- Seksyen II – Kerugian Turutan
- Seksyen III – Semua Risiko
- Seksyen IV – Kecurian
- Seksyen V – Wang
- Seksyen VI – Jaminan Kesetiaan
- Seksyen VII – Kepingan Kaca
- Seksyen VIII – Liabiliti Awam
- Seksyen IX – Liabiliti Majikan
- Seksyen X – Insurans Kemalangan Diri Berkelompok
- Seksyen XI – Jentera Berat
- Seksyen XII – Kerosakan Mesin
- Seksyen XIII – Barangan Dalam Transit
- Seksyen XIV – Liabiliti Produk
- Seksyen XV – Elaun Kesulitan
- Seksyen XVI – Kemerosotan stok
- Seksyen XVI – Manfaat Nilai Tambah

Polisi ini tidak termasuk:

- Kebakaran bawah tanah
- Pencemaran atau kontaminasi
- Peperangan dan perang saudara
- Risiko tenaga radioaktif dan nuklear
- Liabiliti tanggungan melalui sesuatu perjanjian

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Polisi ini memberikan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan harta yang diinsuranskan akibat kebakaran, kilat serta letupan yang berpunca daripada penggunaan gas untuk tujuan domestik. Perlindungan ini turut merangkumi perkara-perkara berikut:

- Perbelanjaan bomba
- Kecurian berikutan kebakaran (bukan tarif)
- Perlindungan sementara (bukan tarif)
- Perbelanjaan mempercepatkan pemulihan (bukan tarif)
- Kerja penambahbaikan (bukan tarif)

Polisi ini menawarkan perlindungan tambahan sehingga 10% daripada jumlah diinsuranskan di bawah polisi kebakaran secara percuma, tertakluk kepada had maksimum RM1,000,000, bagi kerosakan yang berpunca daripada Kerosakan Pesawat, Gempabumi, Letupan, Api Belukar/Lalang, Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Niat Jahat, dan Kerosakan yang disebabkan oleh Pokok Tumbang atau Ranting Patah dan objek daripadanya.

Dengan pembayaran premium tambahan, perlindungan ini boleh dilanjutkan untuk merangkumi kerugian atau kerosakan akibat peril berikut:

- Ribut dan angin kencang
- Banjir
- Kerosakan hentaman
- Penenggelaman dan tanah runtuh
- Pembakaran spontan
- Kebocoran sistem pemercik

- Kebocoran atau limpahan daripada tangki, peralatan, atau paip air
- Perlindungan limpahan pembetung (bukan tarif)
- Pemasangan Elektrik Fasal (B)

Dengan bayaran premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Kehilangan Pendapatan Penjana Kuasa Solar

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[Multi Biz Protector
Enhanced | Generali
Malaysia](#)



E-mel kami di:
customer.service.gi@generali.com.my



Imbas kod
QR di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan
AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang perlu anda bayar akan berbeza berdasarkan skop perlindungan, jumlah yang diinsuranskan dan sebarang keperluan penajajaminan yang ditentukan oleh kami.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM 10.00
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	15% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Kebolehgunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda wajib mendedahkan semua fakta penting dengan tepat dalam setiap dokumen. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan polisi anda terbatal dan tidak sah.
- **Jumlah Diinsuranskan** – Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsuranskan di bawah Seksyen I, Seksyen II dan Seksyen III adalah mencukupi dan telah mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat pada harta anda.
- **Asas penilaian:** Asas Nilai Pasaran. Kami akan membayar kos pembaikan harta yang rosak ditolak haus, lusuh dan susut nilai.
- **Kesan jumlah diinsuranskan yang tidak mencukupi:** Jika jumlah yang diinsuranskan untuk Seksyen I – Kebakaran, Seksyen II – Kerugian Berbangkit dan Seksyen III – Semua Risiko dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada masa kerugian, anda akan dianggap kurang diinsuranskan dan bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut. Syarat purata akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.
- **Waranti Premium:** Premium mesti dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan, jika tidak dibayar dalam tempoh tersebut, polisi akan dibatalkan secara automatik serta kami berhak menerima premium purata untuk 60 hari perlindungan yang telah diberikan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan polisi, sebarang bayaran balik premium adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam polisi.